

Lelaki didenda

RM7,000 kerana curi RM1,500 milik tukang paip

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM7,000 atau lapan bulan penjara terhadap seorang lelaki kerana mencuri wang tunai RM1,500 milik seorang tukang paip, minggu lepas.

Geoffrey Chan Hock Siew, 46, mengaku bersalah di hadapan Majistret Ling Hui Chuan sebaik didakwa mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan tersebut sekitar jam 9:45 pagi di hadapan sebuah rumah di Arang Road di sini pada 15 Oktober 2024.

Fakta kes mendedahkan pemilik wang iaitu pengadu lelaki berusia 45 tahun meletakkan keretanya di alamat terbabit untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan paip.

Setelah pengadu kembali semula ke keretanya, pengadu mendapati beg dompet berisi wang tunai RM1,500 miliknya telah hilang.

Susulan itu, pengadu memeriksa rakaman kamera litar tertutup (CCTV) milik tuan rumah tersebut dan mendapati seorang lelaki tidak dikenali datang membuka pintu sebelah penumpang hadapan kereta milik pengadu dan mengambil beg pengadu.

Laporan polis dibuat dan hasil siasatan membawa kepada tertuduh pada 17 Oktober 2024 berserta barang rampasan, antara lainnya adalah wang tunai RM830.

Siasatan lanjut polis mendapati perbuatan tertuduh yang mencuri wang tunai milik pengadu dapat dilihat melalui rakaman CCTV di tempat kejadian.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin sementara tertuduh tidak diwakili peguam.